

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Pindaan akta selesai isu Program Latihan Ijazah Kepakaran

Putrajaya: Kabinet memutuskan isu Program Latihan Ijazah Kepakaran atau *Parallel Pathway* akan diselesaikan menerusi pindaan undang-undang di Parlimen.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil berkata, Rang Undang-Undang (RUU) berkenaan akan dibentangkan di Parlimen seawalnya pada persidangan akan datang.

"Minggu lalu saya ada sebut dalam sidang media mingguan, bahawa *Parallel Pathway* akan dibincangkan dan satu memorandum bersama Menteri Kesihatan dan Menteri Pendidikan Tinggi sudah dibentangkan dan diluluskan.

"Maka isu ini dapat diatasi menerusi pembentangan satu RUU yang akan dibawa ke Parlimen.

"Untuk perincian mengenai penyelesaian isu ini boleh rujuk Menteri Kesihatan atau Menteri Pendidikan Tinggi," katanya selepas menyempurnakan Majlis Pengumuman Logo dan Tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024 di kementeriaannya di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Fahmi berkata isu *Parallel Pathway* merujuk kepada isu membabitkan pertindihan antara Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Majlis Perubatan Malaysia (MMC).

"Kita sudah dapat keputusan yang baik dan akan dibawa ke Parlimen kelak," katanya.

Sebelum ini, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir menjelaskan isu pokok yang timbul berkaitan dengan kemelut *Parallel Pathway* dalam bidang pembedahan kardiotorasik ialah isu pengiktirafan latihan kepakaran *Parallel Pathway* yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan.

Kedua, katanya adalah isu pendaftaran pegawai perubatan yang menamatkan latihan kepakaran *Parallel Pathway* dalam Daftar Pakar (National Specialist Register - NSR) di bawah Majlis Perubatan Malaysia (MMC).

Dalam pada itu, Fahmi berkata, kerajaan akan memberikan pandangan tegas mengenai dasar negara berhubung kenyataan platform X yang didakwa mengubah terma perkhidmatannya dengan membenarkan pengguna memuat naik kandungan lucah.

"Ini melanggar undang-undang dan kita tidak benarkan. Kita akan panjangkan pandangan tegas kerajaan untuk pastikan semua platform faham bahawa judi dalam talian, bahan lucah dan perkara tak dibenarkan undang-undang kita supaya dipatuhi platform ini," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

KKM komited capai sifar kematian akibat denggi

Oleh NUR HUDA MUSA
dan NOR HAZIRA MOHD. HASNI

KUALA LUMPUR – Kementerian Kesihatan (KKM) menyasarkan sifar kes kematian akibat denggi menjelang 2030, sejajar dengan komitmen dalam Pelan Strategik Pencegahan dan Kawalan Denggi Kebangsaan (2022-2026).

Timbalan Menteri, Lukanisman Awang Sauni berkata, strategi KKM adalah jelas iaitu untuk menyatukan campur tangan yang berkesan dan memperbaiki kelemahan yang dikenal pasti.

Katanya, perancangan KKM adalah berdasarkan pada tiga elemen teras iaitu mengoptimalkan sistem pengawasan denggi, memastikan akses kepada diagnostik denggi, rawatan dan inisiatif kawalan kualiti dan penyatuan usaha ke arah pencegahan dan kawalan denggi.

"Di samping itu, kami juga komited untuk memperhalusi dua elemen sokongan iaitu memperkukuh faktor pemangkin untuk meningkatkan sistem kesihatan dan mengukuhkan penyelidikan



LUKANISMAN (tengah) hadir merasmikan Majlis Pelancaran Sidang Kemuncak Denggi Asia Ke-7 di Kuala Lumpur semalam.

dan inovasi berkaitan denggi.

"KKM telah melaksanakan pelbagai langkah untuk mengurangkan populasi nyamuk aedes dan menghadkan penularannya,"

katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Sidang Kemuncak Denggi Asia Ke-7 di sini semalam.

Ujarnya, langkah itu termasuk aktiviti pengurangan sumber

pembiakan, penghapusan jentik-jentik, semburan ruang (space spray), semburan residu (out-door residual spray) disasarkan serta promosi kesihatan dan pe-

nguatkuasaan undang-undang.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan usaha inovatif telah dilakukan KKM untuk memerangi penularan denggi melalui Operasi Nyamuk Wolbachia (WMO) yang bermula pada 2019.

"Sehingga kini, sebanyak 35 lokaliti telah melaksanakan WMO di seluruh negara. Selepas empat tahun pelaksanaan, WMO telah berjaya mengurangkan bilangan kes denggi antara 45 peratus dan 100 peratus di 19 lokaliti.

"Selain itu, negara telah mencapai penurunan ketara dalam kadar kematian kes denggi (CFR) daripada 0.63 peratus pada tahun 2000 kepada 0.08 peratus pada tahun 2023 dengan usaha yang rapi dan berterusan di pelbagai peringkat melibatkan pihak berkepentingan negara, negeri dan daerah," ujarnya.

Katanya, dalam usaha berterusan itu KKM turut melancarkan portal iDengue yang mana maklumat terkini mingguan mengenai kes denggi, kematian dan kawasan hotspot dapat diakses.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NEGARA

Pakar bedah UK bantu 90 pesakit jantung kanak-kanak

KOTA BHARU – Program Kebajikan Kardiorasik Hospital Universiti Sains Malaysia (USM)-Healing Little Heart (HLH) sejak tahun 2015 telah membantu memberi kehidupan baharu kepada 90 pesakit kanak-kanak yang menghidap penyakit jantung kongenital.

Melalui program itu, kos pembedahan jantung yang perlu dibayar kurang daripada RM3,000 sahaja berbanding setiap pembedahan yang menelan perbelanjaan lebih RM20,000.

Pakar Kardiologi Pediatrik Hospital USM, Dr. Mohd. Rizal Mohd. Zain berkata, lebih 100 pembedahan melibatkan 90 pesakit telah dijalankan sepanjang tempoh itu sempena lawatan pakar bedah dari United Kingdom (UK) ke Hospital USM.

Menurutnya, siri lawatan pada tahun ini pula disertai enam pakar terdiri daripada pakar bedah

“

Melalui program itu, kos pembedahan jantung yang perlu dibayar kurang daripada RM3,000 sahaja berbanding setiap pembedahan yang menelan perbelanjaan lebih RM20,000.”

MOHD. RIZAL

kardiorasik pediatrik, pakar kardiologi pediatrik dan jururawat dari UK yang bergabung dengan pakar-pakar dan kakitangan Hospital USM.

Hadir sama ialah Pakar Kardiologi Kanak-kanak Hospital Glenfield, Leicester, UK, Dr. Haris



MOHD. RIZAL (dua dari kanan) bersama pakar bedah HLH semasa merawat kanak-kanak yang menghidap penyakit jantung kongenital di Hospital USM, Kubang Kerian semalam.

Kotidis.

“Program pada tahun ini bermula 2 hingga 6 Jun lalu bagi membantu 8 hingga 10 pesakit

jantung kanak-kanak dari Kelantan dan juga Terengganu berusia seawal bayi 21 hari sehingga lapan tahun.

“Semua pesakit kanak-kanak itu menghidap pelbagai masalah jantung kongenital yang dijangka akan menjalani pembedahan sepanjang lima hari,” katanya selepas Program Kebajikan Kardiorasik USM-HLH di Hospital USM, Kubang Kerian, di sini semalam.

Mohd. Rizal memberitahu, pesakit kanak-kanak yang terpilih menjalani pembedahan jantung melalui program itu tidak perlu lagi dirujuk atau dihantar ke Institut Jantung Negara (IJN) untuk menjalani pembedahan.

“Langkah ini sekali gus membantu mengurangkan tempoh menunggu bagi mendapatkan rawatan pembedahan jantung,” ujarnya.

Tambahnya, HUSM merupakan satu-satunya hospital yang mempunyai kepakaran menjalankan pembedahan jantung kanak-kanak di Pantai Timur.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA

Pintu masuk klinik kesihatan meloyakan bau sampah

TAIPING – Orang ramai yang berurusan di Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) di Jalan Panggung Wayang di sini, terpaksa menghidu bau busuk setiap hari ekoran tindakan pihak berwajib meletakkan tong sampah berhampiran bangunan tersebut.

Tinjauan *Kosmo!* di lokasi tersebut mendapati, tong sampah tersebut terletak di sebelah pagar KKIA tersebut dan bau busuk dapat dihidu kerana air sampah yang bertakung.

Menurut seorang pengunjung KKIA tersebut, Nurul Najwa Zainal Abidin, 35, difahamkan sampah di lokasi tersebut dipungut setiap hari, namun ia tidak menyelesaikan masalah berkenaan.

"Kita berterima kasih dengan

pihak berwajib kerana membersihkan tong sampah berkenaan pada setiap hari, namun ia tidak selesaikan masalah bau busuk tersebut.

"Ramai yang berurusan di klinik kesihatan ini, bahkan kakitangannya juga terpaksa menghidu bau busuk ini. Memang loya dan boleh menyebabkan mereka yang tidak tahan, muntah," katanya di sini semalam.

Sementara itu, seorang lagi pengguna KKIA tersebut, Nor Hayati Mahmud, 36, berkata, tong sampah itu pada asalnya terletak di bahagian hadapan bersebelahan pintu keluar klinik.

Kemudian, katanya, ia dialih jauh sedikit di lorong belakang tetapi kini ia diletakkan di tepi pagar klinik pula.

"Biar pun sampah dikutip secara harian, namun air kotor tak dicuci. Bukan itu sahaja, sisa makanan yang tidak dimasukkan betul-betul ke dalam tong sampah telah disepahkan oleh anjing," ujarnya.

Sementara itu, seorang kakitangan KKIA dikenali sebagai Mus memberitahu, bau sampah-sarap tersebut dapat dihidu dengan kuat dan paling berbau di kawasan meletak kenderaan bersebelahan pagar klinik berkenaan.

"Suami atau waris yang menunggu di luar pun tak tahan bau dan masuk ke dalam klinik. Di-harapkan pihak berkuasa tempatan cari jalan penyelesaian bagi masalah ini kerana sudah banyak kali buat aduan," ujarnya.



TONG sampah bersebelahan pagar KKIA di Jalan Panggung Wayang, Taiping yang menyebabkan bau busuk semalam.

+

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 20
RUANGAN : NASIONAL

WMO kurangkan kes denggi antara 45 hingga 100 peratus

KUALA LUMPUR - Inisiatif Operasi Nyamuk Wolbachia (WMO) yang digerakkan oleh Kementerian Kesihatan untuk memerangi denggi bermula pada 2019 berjaya mengurangkan jumlah kes denggi antara 45 hingga 100 peratus di 19 lokaliti.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Luknisman Awang Sauni berkata, negara mencapai penurunan ketara dalam kadar kematian kes denggi (CFR) dari 0.63 peratus pada 2000 kepada 0.08 peratus tahun lepas, dengan usaha berterusan di pelbagai peringkat melibatkan pihak berkepentingan negara, negeri dan daerah. - *Bernama*

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 24

RUANGAN : NEGERI

24

NEGERI


SINAR HARIAN • KHAMIS 6 JUN 2024

TELUS & TULUS
Sinar
Harian

PERAK KELANTAN PULAU PINANG

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Percaya pseudosains punca ramai wanita takut jalani mamogram



Tuanku Zara berkenan menyempurnakan Majlis Pelancaran Fasa ke-6 Program Mamogram Percuma Etiga bersama NCSM di Pusat Konvensyen Casuarina di Ipoh pada Rabu.

IPOH - Lambakan pseudosains atau sains palsu di media sosial mengenai kanser payudara menjadi antara punca terbesar ramai wanita takut menjalani pemeriksaan mamogram.

Pengarah Urusan Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM), Profesor Madya Dr M Murallitharan berkata, perkara itu telah membina kepercayaan karut dalam kalangan wanita tanpa mengira latar belakang termasuk yang berpendidikan tinggi.

Menurutnya, dapatan daripada kajian dijalankan menunjukkan mereka percaya dengan melakukan mamogram akan mendapat kanser, malah lebih teruk menganggap rawatan radioterapi dan kemoterapi membuatkan keadaan pesakit lebih teruk dan tidak hidup lama.

"Pada dasarnya ia hanyalah kenyataan palsu, tetapi menjadi popular (dikongsi di media sosial) sehingga ramai orang bercakap dan menjadikannya satu kepercayaan.

"Inilah cabaran yang terpaksa kita hadapi, sedangkan sekiranya dirawat pesakit boleh jalani kehidupan dengan lebih baik kerana ada penghidap kanser yang dikesan tidaklah berada di peringkat yang teruk," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita sempena Majlis Pelancaran Fasa ke-6 Program Mamogram Percuma Etiga bersama NCSM di Pusat Konvensyen Casuarina di sini pada Rabu.

Pelancaran disempurnakan Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim.

Hadir sama, isteri Menteri Besar Perak, Datin Seri Aezer Zubin;

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Noraini Ahmad dan Pengerusi Etiga International Holdings, Datuk R Karunakaran.

Dr Murallitharan berkata, oleh kerana wujudnya mentaliti sedemikian, NCSM bersama 50 gabungan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) melakukan keterlibatan bersama komuniti seperti sesi kaunseling berkumpulan berhubung kesedaran rawatan awal kanser payudara.

Sementara itu, dalam sembah ucapannya, Dr Murallitharan berkata, seramai 27,500 wanita di negara ini telah menerima manfaat program pemeriksaan mamogram secara percuma di bawah program NCSM dan Etiga sejak 2017 membabitkan perbelanjaan RM9.7 juta.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 26
RUANGAN : NEGERI

Pembedahan percuma dilakukan pakar jantung dari UK dan Hospital USM

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN
KOTA BHARU

Penantian seorang kanak-kanak perempuan untuk menjalani pembedahan jantung selain mengimpikan kehidupan normal seperti orang lain akhirnya termakbul.

Siti Nur Dayana Othman, 7, yang di-sahkan menghidap penyakit jantung berlubang dan saluran sempit sejak dilahirkan antara pesakit terpilih menerima bantuan Program Kebajikan Kardiorasik Hospital Universiti Sains Malaysia (Hospital USM-Healing Little Heart (HLH) 2024.

Menurut bapanya, Othman Zakaria, 48, menyifatkan bantuan itu adalah satu anugerah besar buat anak kesyanganannya

dan keluarga.

"Sudah tujuh tahun kami menunggu saat ini, malah kebingungan mengenai kos juga turut terpadam apabila pembedahan dilakukan secara percuma.

"Sebelum ini kami perlu menyediakan kos sekitar RM10,000 untuk pembedahan di IJN (Institut Jantung Negara).

"Terima kasih Hospital USM serta pakar dari UK (United Kingdom) yang sanggup melakukan pembedahan untuk anak kami," katanya di sini pada Rabu.

Hadir sama Pengarah Program Kebajikan Kardiorasik Hospital USM-HLH 2024, Dr Mohd Rizal Mohd Zain dan Pakar Kardiologi Kanak-kanak Hospital Glenfield, Leicester, UK, Dr Haris Kotidis.



Penantian 7 tahun untuk bedah jantung berakhir



Siti Nur Dayana menunjukkan perkembangan positif selepas pembedahan ketika diperiksa Dr Mohd Rizal (kanan) dan Dr Haris.

Pembedahan selama tujuh jam dan proses pemulihan selama dua jam itu melibatkan tu-

juh pakar dari UK dan Hospital USM.

Menurut Othman yang ber-

kerja sebagai pemandu van, Siti Nur Dayana yang kini belajar di Sekolah Kebangsaan Tengku Mahmood 2 tidak sabar untuk kembali ke sekolah kerana dia memang minat belajar.

"Sebelum ini cikgu akan hubungi pada jam 10 pagi untuk mengambil anak saya di sekolah kerana keadaannya lemah.

"Dia aktif tetapi disebabkan penyakit yang dihadapi menyebabkan anak saya kerap mengalami kebiruan pada kuku, tangan dan bibir.

"Ini menyebabkan dia hanya mampu berada beberapa jam sahaja di sekolah," katanya yang berasal dari Besut, Terengganu.

Sementara itu, ibu Siti Nur Dayana, Siti Aisyah Othman, 40, turut berharap pembedahan dijalani membolehkan anaknya itu kembali sihat dan cergas selain boleh bertemu semula dengan rakan-rakannya di sekolah.

Sinarplus
MAKAN Fest
mencari Vendor!

- Makanan • Minuman
- Makanan ringan yang bersesuaian dengan tema!

tema: Rakyat, Klasik & Tradisional

sempena **Karnival Rakyat**

Saiz tapak:
• 10 x 10
• 20 x 10

26-28 Julai 2024
Karangkraf Shah Alam | 9 pagi - 7 malam

Berminat? Sila whatsapp kami di talian
+6011-3626 6961 (Aziz)

QR code: www.sinarplus.com.my

90 kanak-kanak dapat kehidupan baharu di Hospital USM

KOTA BHARU - Seramai 90 kanak-kanak menghidap penyakit jantung di negeri ini dan Terengganu dibantu melalui program kebajikan kardiorasik Healing Little Heart (HLH) dari United Kingdom (UK) di Hospital Universiti Sains Malaysia (Hospital USM).

Pengarah Program Kebajikan Kardiorasik Hospital USM-HLH 2024, Dr Mohd Rizal Mohd Zain berkata, melalui pembedahan yang hanya menelan belanja kurang dari RM3,000 membolehkan kanak-kanak ini mendapat kehidupan baharu.



Bayi berusia tiga minggu menjadi pesakit termuda menjalani pembedahan melalui Program Kebajikan Kardiorasik Hospital USM-HLH 2024.

Katanya, program diperkenalkan sejak September 2015 turut menawarkan pembedahan percuma kepada pesakit terpilih walaupun kos sebenar (kos alatan dan ubatan) untuk setiap pembedahan lebih tinggi sehingga mencecah lebih RM20,000.

"Lebih 100 pembedahan dijalankan sejak kunjungan pertama pasukan perubatan HLH pada 2015 dan kini memasuki

tahun ke-10 siri lawatan mereka ke Hospital USM.

"Pada sesi lawatan kali ini, pasukan perubatan HLH disertai enam petugas perubatan terdiri daripada pakar bedah, pakar intensivis, pakar kardiologi pediatrik, jururawat dan perfusionis yang akan bergabung bersama pakar dan kakitangan dari Hospital USM," katanya pada Rabu.

Menurut Dr Mohd Rizal, program lima hari itu

membabitkan lapan hingga 10 pesakit berusia seawal tiga minggu hingga lapan tahun.

Ujarnya, kanak-kanak terpilih tidak perlu lagi dirujuk atau dihantar ke Institut Jantung Negara (IJN) untuk tujuan pembedahan.

"Hospital USM adalah satu-satunya hospital mempunyai kepakaran menjalankan pembedahan jantung kanak-kanak," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Satu dalam enam kanak-kanak alami masalah mental

Oleh AHMAD FADHILULLAH ADNAN
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Lebih satu juta kanak-kanak berusia lima hingga 15 tahun dianggarkan mengalami masalah kesihatan mental di negara ini.

Anggaran itu berdasarkan laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023 baru-baru ini yang mendapati satu daripada enam kanak-kanak dalam usia itu mengalami masalah terbabit.

Selain itu, beban masalah kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak kini meningkat dua kali ganda sejak 2019.

Pakar Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Dr. Bustam Kamri tidak menolak kemungkinan ketagihan gajet menjadi antara punca kanak-kanak kumpulan itu berhadapan dengan masalah kesihatan mental.

Bersambung di muka 2

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : DALAM NEGERI

Dalam Negeri

Utusan Malaysia
KHAMIS • 6 JUN 2024

2

Minda Pengarang

TEON EG



Kenapa mahu naikkan caj hospital awam?

CAJ hospital kerajaan di Malaysia hanya RM1, terlalu murah sehingga ada yang kata tidak masuk akal.

Sangat membanggakan apabila beberapa tahun lalu, Malaysia antara dinobatkan sebagai memiliki sistem penjagaan kesihatan terbaik dunia. Negara-negara lain sebaris dengan Malaysia ialah Thailand, Mexico, India, Korea Selatan dan Singapura.

Antara kriteria yang meletakkan sistem perubatan negara terbaik ialah caj murah, turut memberi rawatan kepada warga asing dan dinilai sangat mudah berjumpa doktor pakar.

Namun realiti yang tersebar ketika ini fasiliti kesihatan negara sedang menuju krisis apabila bukan sahaja daif tetapi kekurangan petugas. Dari situ timbullah cadangan supaya kerajaan menaikkan caj daripada RM1 kepada RM5 atau RM10 untuk setiap pesakit. Bayaran lebih tinggi itu adalah untuk menampung kos menaik taraf fasiliti perkhidmatan awam dan menggaji lebih ramai petugas.

Selain itu, dengan caj lebih tinggi tersebut dibayangkan semua hospital awam boleh menambah baik peralatan perubatan manakala pesakit pula dijangka tidak perlu menunggu sehingga tiga jam untuk dirawat atau berjumpa doktor yang cuma 10 atau 15 minit. Namun, di sebalik cadangan menaikkan caj hospital itu ramai yang memberontak. Antara alasan, mereka menganggap sekuriti kesihatan rakyat wajar menjadi tanggungjawab kerajaan, jadi tidak wajar dinaikkan sampai bila-bila.

Ada pula yang melabelkan pencadang yang suka sangat untuk melihat caj hospital dinaikkan sebagai kumpulan yang tidak pernah mengunjungi hospital awam kerana kemampuan mereka mendapat rawatan di hospital swasta. Kumpulan pencadang itu dilihat sangat memementingkan diri kerana menyamakan kemampuan mereka dengan kumpulan rakyat lain. Mereka tidak memikirkan rakyat yang tidak bernasib baik dan rezeki mereka hanya bergantung kepada menjual pucuk ubi, daun pisang, serai dan ayam kampung.

Oleh itu, sebagai kerajaan walaupun parti mana yang memerintah mereka tidak boleh diberi ruang untuk cuba-cuba mengahil kos kepada rakyat sesuka hati. Sebagai kerajaan mereka kena berusaha menambahkan hasil negara dan menjaga kebajikan rakyat.

Lihat sahaja ketika ini bagaimana kerajaan sudah mengizinkan kenaikan tarif air, elektrik malah sedang agresif pula untuk melaksanakan bahan bakar secara bersasar.

Oleh itu, daripada bersusah payah memikirkan untuk menaikkan caj hospital, lebih baik kerajaan terlebih dahulu menambah baik semua fasiliti awam itu.

Selepas semua 'tersedia' dan memuaskan rakyat barulah isu caj RM1 yang didakwa tidak munasabah dibincangkan. Ketika ini sistem penjagaan kesihatan negara yang diuar-uarkan antara yang terbaik di dunia tidak seperti yang 'dirasai' rakyat kerana ramai yang merugut dengan perkhidmatan ditawarkan. Petugas kesihatan sendiri mengeluh dengan beban kerja melambung tetapi gaji dilabel 'ciput'.

Begitu juga kes-kes pesakit yang meninggal dunia sebelum menerima rawatan selain isu hospital bernilai ratusan juta yang siap tetapi tidak boleh digunakan yang perlu diberi perhatian terlebih dahulu. Jadi rasanya belum masa untuk mencadangkan untuk mendapat duit lebih daripada pesakit bagi menaik taraf hospital awam kerana ia sepatutnya menjadi tanggungjawab kerajaan yang menjaga kesejahteraan rakyat secara keseluruhan.

Kerajaan perlu mencari jalan lain antaranya meningkatkan bajet tahunan kepada Kementerian Kesihatan. Pada Belajawan 2024, Pusat memperuntukkan RM41.2 bilion kepada sektor kesihatan berbanding RM36.3 bilion pada tahun sebelum ini.

Teon Eg ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia

Satu dalam enam kanak-kanak alami masalah mental

Dari muka 1

Katanya, sikap ibu bapa yang membekalkan gajet kepada kanak-kanak menyebabkan mereka berasa ter tekan, bemosi dan tidak berkomunikasi.

"Apabila mereka menggunakan gajet secara tidak terkawal menyebabkan mereka terasing, jadi bagaimana mahu meluahkan perasaan sebab hanya berkomunikasi dengan dunia sendiri," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Tinjauan itu mendapati, antara faktor masalah kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak adalah masalah dengan rakan sebaya (46 peratus), tingkah laku (25 peratus), emosi (17 peratus) dan hiperaktif (8 peratus).

Mereka yang mempunyai masalah dengan rakan sebaya itu sukar bergaul dengan kanak-kanak lain; tiada kawan rapat; dibuli oleh kanak-kanak lain; tidak disukai oleh kanak-kanak lain dan lebih selesa bergaul dengan orang dewasa.

Kanak-kanak mengalami masalah tingkah laku pula dikesan selalu mengalami tantrum; selalu tidak mematuhi arahan; selalu berbohong atau menipu; selalu mempunyai tabiat mencuri dan selalu bergaduh dengan kanak-kanak lain.

Masalah emosi pula menyebabkan kanak-kanak itu selalu mengadu sakit kepala; cenderung berasa terlampau bimbang; selalu berasa tidak gembira; selalu berasa gementar dan cenderung berasa takut.

Kanak-kanak mempunyai masalah hiperaktif selalu berasa gelisah; bergerak dengan resah; perhatian mudah terganggu; kurang tumpuan dan tergesa-gesa menurut kata hati (*impulsive*).

Dalam isu sama, hal kesihatan mental dalam kalangan



Dia bukan didera, bukan dipaksa untuk melakukannya. Ini bukan sakit fizikal, tetapi (sakit) mental."

MOHD. SHUHAILY MOHD. ZAIN

kanak-kanak membimbangkan susulan banyak kes jenayah seks membabitkan kanak-kanak bawah umur dilaporkan kebelakangan ini.

Pada 21 Mei lalu, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Seri Mohd. Shuhaily Mohd. Zain berkata, perkembangan itu menimbulkan kebimbangan banyak pihak termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Terbaharu, satu kes yang merunsingkan kita adalah kes jenayah seks membabitkan kanak-kanak usia seawal lima tahun.

Mengulas lanjut, Dr. Bustam berkata, kanak-kanak kemudiannya akan menghadapi tekanan ketika mula belajar di peringkat tadika bagi memenuhi tuntutan ibu bapa yang mahu mereka dapat membaca dengan kadar segera.

"Sedangkan pada peringkat awal, kanak-kanak berumur bawah empat tahun masih perlu memenuhi lima deria awal iaitu fizikal, bahasa, kognitif (akademik) dan sosial emosi.

"Oleh itu, kesedaran ibu bapa tentang keperluan anak kecil perlu bermula dari awal. Kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah perlu berkomunikasi dengan lebih untuk mengim-

bangi lima deria itu.

"Kadangkala kena faham, bukan semua orang cerdik, jadi mana yang tidak berkemampuan tekanan mental itu akan tertinggal," katanya.

Dr. Bustam berkata, masalah kesihatan mental yang membelunggu kanak-kanak dikhuatiri melahirkan generasi delinquent atau protes.

"Pada mereka, tindakan betul sebab komunikasi kurang berikutan perkara betul atau salah tidak pernah ditegur sejak awal," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Kulliyah Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof. Madya Dr. Mastura Badzis berkata, ibu bapa perlu memahami perkembangan kanak-kanak mengikut umur dan ciri semula jadi mereka.

Katanya, perkara itu merupakan perkara paling asas bagi membantu anak-anak mereka menanganis isu kesihatan mental.

"Apabila tahu perkembangan kanak-kanak mengikut umur, maka akan dapat tahu (jika mempunyai masalah). Misalnya jika kanak-kanak berusia lima tahun itu tidak duduk diam, maka itu normal dan bukannya hiperaktif.

"Contoh lain, katakan jika umur 12 tahun masih lagi baling barang apabila mengamuk, sedangkan perkembangan kanak-kanak umur itu sudah boleh luah perasaan dan memahami emosi, jadi itu tanda (masalah mental) sebab ini umur 12 tahun dan bukan enam tahun," katanya.

Tambah beliau, ibu bapa juga perlu memahami tingkah laku anak-anak serta melihat kekerapan masalah itu sebelum boleh terus menganggap mereka mengalami masalah mental.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI

Isu *parallel pathway* dibawa ke Parlimen untuk pindaan

PUTRAJAYA: Isu Program Latihan Ijazah Kepakaran atau *parallel pathway* dijangka dapat diselesaikan menerusi pindaan Rang Undang-Undang (RUU) yang akan dibentangkan di Parlimen pada sesi akan datang.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil berkata, isu berkenaan telah dibincangkan menerusi mesyuarat Kabinet semalam yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Satu memorandum ber-

sama oleh Menteri Kesihatan (Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad) dan Menteri Pendidikan Tinggi (Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir) telah dibentangkan dan diputuskan, maka isu *parallel pathway* ini kita lihat akan dapat diatasi," katanya dalam sidang akhbar mingguan di sini semalam.

Bagaimanapun Fahmi tidak mendedahkan dengan lebih lanjut berhubung isi kandungan memorandum yang telah diputuskan itu.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : DALAM NEGERI

Pakar bedah UK bantu 90 pesakit jantung kanak-kanak

KOTA BHARU: Seramai 90 pesakit kanak-kanak menghidap penyakit jantung kongenital mendapat rawatan dan manfaat daripada pembedahan amal Program Kebajikan Kardiorasik Hospital Universiti Sains Malaysia (USM), Healing Little Heart (HLH) sejak 2015.

Pakar kardiologi pediatrik Hospital USM, Dr. Mohd. Rizal Mohd. Zain berkata, lebih dari-

pada 100 pembedahan dijalankan sepanjang tempoh tersebut sempena lawatan HLH ke hospital itu yang memasuki tahun ke-10.

Menurutnya, siri lawatan tahun ini disertai enam orang termasuk pakar bedah Kardiorasik Pediatrik, Pakar Kardiologi Pediatrik, Pakar Kardiologi Pediatrik Intensif dan jururawat dari Hospital Glenfield Leices-

ter, United Kingdom (UK) yang bergabung dengan pakar-pakar dan kakitangan Hospital USM.

"Program tahun ini bermula 2 hingga 6 Jun lalu bagi membantu lapan hingga 10 pesakit jantung kanak-kanak dari Kelantan dan Terengganu berusia dalam lingkungan 21 hari hingga lapan tahun.

"Semua pesakit kanak-kanak itu menghidap pelbagai masalah

jantung kongenital yang dijadualkan menjalani pembedahan sepanjang lima hari diketuai pasukan perubatan HLH selain dibantu pakar perubatan dan kakitangan Hospital USM," katanya selepas Program Kebajikan Kardiorasik USM - HLH di Hospital USM, Kubang Kerian di sini semalam.

Mohd. Rizal yang juga Pengarah Program Kebajikan Kar-

diorasik USM-HLH berkata, kos dbagi program itu sangat minimum iaitu kurang daripada RM3,000 malah ada pesakit yang tidak dikenakan bayaran.

Katanya, kos sebenar untuk setiap pesakit lebih RM20,000, namun bagi yang kurang berkemampuan mereka dirujuk kepada Unit Kerja Sosial Perubatan Hospital USM untuk mendapatkan bantuan dan pengurangan.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEWS / NATION

TO BE TABLED IN DUE COURSE

Govt moves to bridge medical training gap with new bill

PUTRAJAYA: The government has agreed to introduce a bill to bridge the gap between the parallel pathway programme and the Malaysian master's medicine programme in the Dewan Rakyat in due course.

Communications Minister Fahmi Fadzil said due to ongoing concerns regarding the issue, the cabinet was yesterday informed that a memorandum related to the bill would soon be presented by either the Health Ministry or the Higher Education Ministry.

The decision, he said, was finalised at yesterday's cabinet meeting.

"We hope that within a week or two, a joint memorandum or a memorandum from the Health Ministry and/or the Higher Education Ministry will be brought to the cabinet to present the proposed amendment to the bill.

"We have reached a good decision and it will be brought to Parliament in due course.

"The memorandum for the bill will address core issues concerning the Malaysian Qualifications Agency (MQA) and Malaysian Medical Council (MMC) accreditation," he said at a press conference yesterday.

Fahmi, however, did not disclose further details.

"I mentioned last week that the main issue here lies between the jurisdiction of the two bodies, MQA and MMC, and what will be presented (in Parliament) will be ways to resolve the issue.

"If all goes well, it will be brought to Parliament in the upcoming session or the next.

"We will have to wait until the bill is tabled. I cannot disclose anything beyond that."

Several calls were made, including by the Malaysian Medical As-

sociation, for a university to open its cardiothoracic surgery post-graduate programme to non-Bumiputera trainees due to a shortage of specialists in the field.

Following this, Higher Education Minister Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir said problems with the parallel pathway programme needed to be solved urgently.

To do so, he said, the government was looking into holistic solutions, including amending the Medical Act 1971.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said amendments to the act was needed to ensure that medical specialists who have completed their training under the parallel pathway programme would be registered and recognised.

On separate issue, Fahmi said Penang-based lawyer Shamser Singh Thind should apologise for his claims that a post he made on Asia Mobility Technologies Sdn Bhd was blocked due to a deputy minister's instructions.

He said the decision to take down posts on social media platforms was based on the platforms' guidelines.

"People can file complaints with the Malaysian Communications and Multimedia Commission if they need action taken against a post or material (on social media platforms), not just ministers.

"The taking down of any post is up to the platform itself if it finds violations in the post.

"Not all requests made by MCMC were fulfilled, (as) some platforms only granted 50 per cent of the requests.

"Hence, it is not right for the individual to make such an accusation, and I hope he apologises to the deputy minister."

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NATION

8 Nation

THE STAR, THURSDAY 6 JUNE 2024

Malaysian workers staying alert

All eyes on rising Covid-19 cases in Singapore

By VENESA DEVI
venesa@thestar.com.my

JOHOR BARU: Malaysians working in Singapore are taking precautionary measures due to the rising number of Covid-19 cases there.

Many said they were not taking any chances, despite the fact that most people on both sides of the Causeway had been vaccinated.

Customer service officer P. Thineswara Rao, 35, said he was monitoring his health to avoid transmitting any diseases to others around him.

"I have been focusing on self-discipline when it comes to my health, and this includes keeping tabs on how I am feeling. If I

feel unwell or have any flu-like symptoms, I stay at home and follow the necessary guidelines to keep myself and those near me safe.

"These are some simple things we can do to prevent the spread of diseases," he said in an interview yesterday.

Thineswara has also been wearing face masks and keeping a safe distance from others in public places.

"This (rising number of cases) is a stark reminder of how important it is for us to stay vigilant and take precautions to protect ourselves and others.

"I make sure to wear my mask at all times, especially when around others. I also maintain a

safe distance from colleagues who are feeling unwell," he said.

Environment services officer Mohamad Ariffin Mohd Lawi, 31, said he was keeping abreast of the Covid-19 situation in both countries.

"Things seem to be normal in Singapore with no major announcements or new guidelines with regards to Covid-19. I believe that the rising number of cases is not too alarming as most people have already been vaccinated in Malaysia and Singapore.

"For now, I have yet to make any drastic lifestyle changes, but I keep myself updated on the situation. If either government were to make any official announcement, I will heed them," he said.



Taking precautions: Travellers crossing the Johor and Singapore border through the Second Link. — THOMAS YONG/The Star

On May 19, Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the ministry was closely monitoring the situation in Singapore as the caseload in the republic had

doubled to 25,900 in the week between May 5 and 11, up from 13,700 the previous week.

A total of 280 hospitalisations were reported.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATIONAL

'Take decisive action on medical staff shortage'

■ BY SIVANISVARRY MORHAN
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: As Singapore contends with a surge in Covid-19 cases, with two-thirds involving the FLiRT variant, a medical specialist has called for decisive action on the healthcare staff shortage in Malaysia.

Universiti Kebangsaan Malaysia public health medicine expert Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, stressed the need for immediate medical reinforcements to prepare for possible outbreaks in the country.

As of June 1, the Health Ministry KKMNow portal reported 234 new Covid-19 cases. It conducted 2,209 tests resulting in an 11% positivity rate and 78 hospital admissions.

From December 2023 up to the end of May, 64% of beds in the country were occupied.

"Despite Malaysia's relatively

► Govt needs to employ more doctors, retain existing workers by offering incentives to prepare for possible next Covid threat: Expert

controlled Covid-19 situation, complacency could be dangerous. We need to employ more doctors in the government service and this should be given priority," she said.

Sharifa also cited Senator Dr R.A. Lingeshwaran's statement on June 2, in which he said Health Ministry data showed that 3,046 contract doctors had resigned over the past three years.

She said it is important to seriously analyse the country's healthcare predicament and how it might struggle with insufficient medical staff.

"We are already facing a manpower shortage with an

inadequate number of surgeons causing delays in surgeries, and a high volume of outpatients.

"The prospect of another serious Covid-19 outbreak raises concerns about the availability of beds, medical supplies, and adequately trained personnel to handle emergencies."

A Malaysian Medical Association (MMA) survey also confirmed that about 95% of public healthcare facilities nationwide are struggling with insufficient manpower.

The poll conducted by MMA's Section Concerning House Officers, Medical Officers and Specialists

revealed that only 5% of public healthcare facilities are adequately staffed.

In the survey involving a total of 117 respondents from government healthcare facilities across the country, 32% said they needed to increase manpower by 50%, while 46% said they required a 100% increase.

Nearly half of the respondents, or 48.3%, said manpower shortages were due to doctors either quitting or being transferred, while 43.6% said there was some form of facility or equipment failure at their workplace.

"As the number of patients continues to surge at hospitals and clinics, healthcare workers are confronted with the unfair dilemma of choosing between their well-being and caring for their patients."

By taking prompt actions, Sharifa said pressure on the healthcare system can be reduced.

"The government must create new positions and retain existing staff by offering competitive remuneration for healthcare personnel.

"Such an investment, although substantial, is essential to ensure healthcare access, particularly for middle to low-income populations, since high-income individuals often have private healthcare options."

Sharifa also said the government should rehire retired healthcare professionals on a locum or short-term basis, especially in densely populated areas.

She also urged the public to remain vigilant, practise recommended health measures, and support efforts to bolster the healthcare infrastructure.

Those with comorbidities, especially chronic diseases, with low immunity and pregnant women are urged to wear masks in crowded places with poor ventilation to prevent infection.



Sharifa said as the number of patients continues to surge at hospitals, healthcare workers are faced with the dilemma of choosing between their well-being and caring for the sick.
—AMIRUL SYAFIQ/THE SUN